

09/11/2003

Abdullah terus jadi tumpuan umum

SEMINGGU, bak kata bekas Perdana Menteri Britain, Harold Wilson, adalah suatu tempoh yang panjang dalam politik. Rasanya tidak sukar untuk mengagak betapa Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi akan amat bersetuju dengannya.

Dari detik Perdana Menteri memulakan hari pertamanya di pejabat, Isnin lalu, hingga jadual terbarunya semalam, tidak salah untuk sesiapa saja berasakan seolah-olah Pak Lah sudah berbulan-bulan memacu pentadbiran negara.

Dimulai dengan ucapan sulung di Parlimen yang menyaksikan Pak Lah berikrar meneruskan dasar pembangunan Tun Dr Mahathir Mohamad, mempertahankan kedaulatan Malaysia selain iltizam membanteras rasuah dan unsur militan, mesyuarat Majlis Keselamatan Negara, Kabinet, Majlis Tertinggi Umno dan Dewan Tertinggi Barisan Nasional, benarlah jadual Perdana Menteri lazimnya menyeksakan.

Tidak cukup dengan itu, masanya yang terluang pada sebelah malam turut terisi dengan menghadiri majlis berbuka puasa di sana-sini yang disudahi dengan mengimamkan sendiri solat tarawih sebagai pelengkap.

Dalam kepadatan jadual sedemikian pun, sesetengah pihak melihatnya sebagai belum sempurna selagi teka-teki mengenai Timbalan Perdana Menteri belum terjawab. Berbanding membiarkan dirinya dihambat persoalan berkenaan, Pak Lah sebaliknya membiarkan mereka terus tertanya-tanya.

Tidak pada Isnin dan Selasa, tidak juga pada Rabu dan Khamis ketika ramai menjangkakan selesainya mesyuarat Kabinet dan MT sebagai kesempatan paling bertepatan untuk pemimpin nombor dua dinamakan. Ketika keghairahan terus memuncak kelmarin pada penghujung mesyuarat Dewan Tertinggi BN, peramal terus dikecewakan.

Perguruan lebih empat tahun dengan Dr Mahathir sebelumnya jelas dimanfaatkan Pak Lah untuk meloloskan diri daripada situasi sedemikian. Andainya benar beliau mengikuti resmi Dr Mahathir yang gemar melengahkan sebarang pengumuman pada ketika ia paling dijangkakan, maka soal pelantikan timbalannya berkemungkinan tertangguh buat beberapa ketika lagi.

Barangkali harus benar ia lebih berkisar kepada persoalan "bila" dan bukan "siapa" tetapi lambat-laun jawapannya akan diketahui juga. Seperti dihujahkan Pak Lah, beliau tetap akan membuat pelantikan kerana memang memerlukan seorang timbalan. Usikan pembangkang sekalipun, kononnya beliau tidak mempercayai sesiapa, tidak akan mengubah apa-apa.

Begitu juga berkaitan tarikh pilihan raya umum yang boleh diadakan pada bila-bila masa sebelum November tahun depan, Pak Lah turut tidak menolak kemungkinan ia diadakan tahun ini sebagai memanjangkan lagi teka-teki.

Keseluruhannya, banyak yang sudah dilakukannya sepanjang tujuh hari lalu, banyak juga yang sudah dihujahkan untuk meningkatkan unsur 'suspense', yang menyimpulkan betapa Pak Lah benar-benar menguasai persekitaran daripada merelakan suasana sekeliling mempengaruhi dirinya dalam tempoh seminggu yang tidak diragui sebenarnya amat singkat.